

Awas pengintai media sosial

Ramai ibu bapa sekarang ghairah memamerkan video dan gambar anak mereka di media sosial bagi meraih tontonan yang tinggi daripada warganet.

Tidak kisahlah video anak sedang makan, bermain atau meragam sekalipun tetap dikongsi tanpa memikirkan terlebih dahulu risiko pelanggaran hak peribadi dan ancaman jenayah yang mungkin menimpa si anak.

Sebelum ini, media melaporkan kes salah laku seksual terhadap kanak-kanak antara tahun 2020 dan 2021 adalah membimbangkan apabila meningkat 42 peratus, dengan media

sosial turut menjadi punca.

Bagaimanapun di Malaysia, undang-undang khusus pelanggaran hak peribadi kanak-kanak di alam digital belum diwujudkan.

Berbeza dengan negara maju yang telah menggubal peruntukan khas dalam melindungi privasi kanak-kanak di media sosial, antaranya Akta Perlindungan Privasi Kanak-Kanak Dalam Talian di Amerika Syarikat.

Justeru, wartawan RAJA NUR FAZNE AIDA mendapatkan pandangan pakar berhubung trend ibu bapa suka tayang anak di media sosial dan kesannya dari pelbagai sudut.




SHAH ALAM

SEMAKIN ramai ibu bapa dan golongan dewasa kini yang suka berkongsi gambar dan rakaman video membabitkan kanak-kanak untuk tontonan umum di media sosial.

Namun, sedar atau tidak, kandungan video gelagat kanak-kanak yang dimuat naik di aplikasi seperti TikTok, Facebook dan Instagram itu boleh mengundang perlakuan jenayah terutama pedofilia serta gangguan seksual.

Pakar Kriminologi Bebas, Datuk Shahul Hamid Abdul Rahim berkata, perkongsian vi-



SHAHUL HAMID



KAMAL AFFANDI



NADIAH SYARIANI



PERKASAKAN
SUARA
MALAYSIA

deo itu seolah-olah memperdagangkan kanak-kanak kerana mahu menunjukkan kecomelan dan kecerdikan mereka kepada khalayak tanpa memikirkan risikonya.

"Para pengintip ini tentunya mempunyai perancangan tersendiri. Mungkin mereka tahu

anak ini terdiri daripada keluarga berada, jadi penculikan boleh berlaku.

"Keduanya, mungkin juga berlaku jenayah pedofilia dan jenayah seksual yang lain. Ini kerana gambar atau video yang dikongsikan ibu bapa berpotensi menarik perhatian pengintai di media sosial.

"Justeru, sebagai ibu bapa, mereka sepatutnya memberikan

perlindungan kepada anak tersebut, bukan mendedahkan mereka yang akan mengundang risiko jenayah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Penganalisis jenayah, Kamal Affandi Hashim pula berkata, beliau menghormati hak ibu bapa untuk berkongsi foto anak di media sosial.

Bagaimanapun, katanya, ibu bapa harus tahu cara-cara untuk menghalang elemen negatif seperti jenayah.

"Ini ibarat kita membuka pintu kepada pengintip. Bila pendedahan dibuat, ia membuka peluang kepada penjenayah di luar sana.

"Sekeping gambar atau video yang kita kongsi kepada mereka,

ia barangkali satu komoditi yang boleh dijual," jelasnya.

Mengulas isu sama, Pakar Kriminologi daripada Management and Science University (MSU), Nadiah Syariani Md Shariff berpendapat perkongsian yang berlebihan seperti memuat naik apa sahaja aktiviti harian kanak-kanak, mampu mengundang eksploitasi oleh individu tertentu.

Menurutnya, maklumat mereka juga boleh disalah guna atau identiti mereka dicuri untuk tujuan penipuan dalam talian.

"Walaupun perkongsian ini tidak memudaratkan sekarang, tetapi disebabkan perkongsian digital bersifat kekal dalam talian, maklumat ini boleh dieksploitasi pada masa akan datang," ujarnya.

Langgar privasi anak beri kesan fizikal, emosi

SHAH ALAM - Tindakan ibu bapa yang gemar mendedahkan anak mereka di media sosial berisiko mendatangkan impak negatif terutama dari segi fizikal, emosi dan sosial kanak-kanak terbabit.

Pengamal Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Dr Putri Afzan Maria Zulkifli berkata, ia berikutan apabila kanak-kanak meningkat usia remaja, masing-masing mula berfikir secara logik dan mempunyai emosi.

“Kalau anak ini membesar dalam keadaan yang dia suka dirinya didedahkan di media sosial, tiada masalah.

“Tetapi kalau anak tadi merasakan seolah-olah zaman kanak-kanaknya telah dirobek oleh ibu bapa, mereka ada hak untuk saman. Ini yang kita tak nak.

“Jadi, kesan dari segi psikologi memang sangat mem-



**PUTRI AFZAN
MARIA**

bahayakan terutama apabila mereka meningkat ke zaman remaja apatah lagi jika mereka ada perasaan ingin menentang.

“Ini kerana mereka sudah mula berfikir secara logik dan emosi. Sekarang kita belum nampak lagi,” katanya ketika kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, ibu bapa harus mendapat keizinan daripada anak terlebih dahulu sebelum

memuat naik kandungan di media sosial.

Menurutnya, jika ibu bapa tidak berbuat demikian, secara tidak langsung ia telah melanggar hak dan privasi si anak.

“Selagi kita (ibu bapa) tidak mendapat kebenaran daripada anak, kita sebenarnya tidak boleh mendedahkan mereka di media sosial. Kita dah melanggar hak privasi anak itu sendiri kerana ia membabitkan masa depan mereka,” jelasnya.

Putri Afzan Maria turut ber-

kongsi mengenai budaya negara maju seperti United Kingdom yang sangat menitikberatkan hak dan privasi kanak-kanak.

Beliau berkata, di sana hak dan privasi kanak-kanak dijaga dengan baik dan terjamin.

“Saya pernah menetap di England selama hampir tujuh tahun. Mereka begitu mengambil berat isu hak dan privasi kanak-kanak.

“Angkat tangan (pukul) pada anak pun tak boleh, semuanya boleh jadi kes polis,” ujar beliau.